

KATA SEERTI / SEIRAS

Kata serti/Seiras:Kertas Kerja 1

ARAHAN: Pilih perkataan yang seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- 1 Penduduk blok itu dilarang sidai pakaian yang baru dibasuh di koridor.
 (1) bilas (2) gosok
 (3) jemur (4) perah ()
- 2 Basikal saya musnah digelek sebuah lori di depan pasar itu.
 (1) kemik (2) ranap
 (3) tanggal (4) tumbang ()
- 3 Saya mahu melanjutkan pendidikan di sebuah universiti di England.
 (1) amalan (2) asuhan
 (3) penyelidikan (4) pelajaran ()
- 4 Pembunuh wanita di Hougang itu telah ditangkap polis malam tadi.
 (1) diberkas (2) didakap
 (3) dikepong (4) ditambah ()
- 5 Saya hendak mohon kerja di kilang yang baru dibuka itu.
 (1) ambil (2) dapat
 (3) minta (4) siasat ()
- 6 Segala ajaran dan nasihat ibu bapa mesti diturut tanpa ditanya mengapa.
 (1) dibanding (2) dicari
 (3) diikuti (4) dilihat ()
- 7 Badrun suka sakat kawan-kawan sedarjahnya yang membuat kerja mereka.
 (1) layan (2) tanya
 (3) tegur (4) usik ()
- 8 Kassim Baba yang haloba telah ditangkap dan dibunuh oleh perompak-perompak itu.
 (1) gelojoh (2) kasar
 (3) puas (4) tamak ()

- 9 Saya sedang mendengar cerita tentang kehandalan Hang Tuah.
(1) aduan (2) kisah
(3) laporan (4) syarahan ()
- 10 Mereka berlima telah bermuafakat untuk pergi menuntut di Gunung Ledang.
(1) berbicara (2) bercadang
(3) berharap (4) bersetuju ()
- 11 Ibu saya telah bukakan rahsia bahawa saya adalah anak angkatnya sebelum menghembus nafas terakhirnya.
(1) bualkan (2) ceritakan
(3) dedahkan (4) suarakan ()
- 12 Saya jauhkan diri daripada terlibat dengan menyalahgunakan dadah.
(1) larangkan (2) pisahkan
(3) elakkan (4) selamatkan ()
- 13 Lebih daripada 300 orang telah ditegah menunjuk perasaan di depan Istana.
(1) dihalang (2) dijerat
(3) dikurung (4) ditahan ()
- 14 Saya tidak akan lupa pesanan ayah saya sebelum dia meninggal dunia 20 tahun dahulu.
(1) amanat (2) fikiran
(3) ingatan (4) paksaan ()
- 15 Dengan bangga, Zaidon menerima Pingat Keberanian daripada Timbalan Perdana Menteri di atas pentas.
(1) ceria (2) megah
(3) suka (4) riang ()

Kata serti/Seiras:Kertas Kerja 2

ARAHAN: Pilih perkataan yang seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- 1 Setelah mendapat pekerjaan tetap sebagai pegawai polis, Sufi meminta ibunya lamar anak gadis jiran mereka.
 (1) colek (2) nikah
 (3) pinang (4) tanya ()
- 2 Cikgu Samsul berura-ura untuk mempunyai sebuah kedai buku apabila bersara kelak.
 (1) berniaga (2) membuka
 (3) memiliki (4) menyewa ()
- 3 Peragut rantai itu berdiam diri apabila ditanya bertalu-talu oleh pegawai polis itu.
 (1) didakwa (2) disaman
 (3) disoal (4) dituduh ()
- 4 Kanak-kanak di negeri Arab, yakin dan lancar membaca Quran.
 (1) fasih (2) gemar
 (3) rancak (4) suka ()
- 5 Ibu dan bapa saya mengizin saya pergi belajar di rumah kawan saya di blok sebelah.
 (1) memaksa (2) membenar
 (3) mengundang (4) menyuruh ()
- 6 Butik yang baru dibuka itu menyediakan pelbagai jenis fesyen pakaian.
 (1) berbagai-bagai (2) berjenama
 (3) berlambak (4) bersusun ()
- 7 Mayat yang dijumpai di dalam rumah yang terbakar itu hangus dan tidak dapat dikenali.
 (1) cair (2) hancur
 (3) kembang (4) rentung ()
- 8 Semalam petang, saya ziarah rumah nenek saya di Bedok.
 (1) lalu (2) lancong
 (3) lawat (4) lihat ()

- 9 Pada mulanya, saya berasa sedih untuk pisahkan anak kucing itu daripada ibunya.
(1) alihkan (2) ceraikan
(3) pindahkan (4) tanggalkan ()
- 10 Pelbagai alat telah dicipta beratus-ratus tahun dahulu masih kita gunakan dalam zaman moden ini.
(1) dibuat (2) diguna
(3) dipakai (4) direka ()
- 11 Pemandu-pemandu tidak boleh melanggar had kelajuan semasa berada di jalan raya.
(1) batas (2) matlamat
(3) tujuan (4) waktu ()
- 12 Ibu akan sajikan makanan di meja semasa kami pergi mandi.
(1) aturkan (2) hidangkan
(3) letakkan (4) siapkan ()
- 13 Abu suka duduk di bawah sebatang pokok di tepi sungai itu sambil membaca.
(1) belakang (2) depan
(3) sebelah (4) pinggir ()
- 14 Nenek saya suruh saya siapkan minuman untuk ibu bapa saya yang akan pulang sebentar lagi.
(1) dapatkan (2) masakkan
(3) sediakan (4) tuangkan ()
- 15 Pasukan bola jaring negara kita berjaya tewaskan pasukan lawan dari luar negeri itu.
(1) binasakan (2) hancurkan
(3) matikan (4) tumpaskan ()

Kata serti/Seiras:Kertas Kerja 3

ARAHAN: Pilih perkataan yang seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- 1 Kita dapat membersihkan sekitaran sekolah dalam masa yang singkat jika dilakukan secara goyong-royong.
 (1) cepat (2) kecil
 (3) pendek (4) sedikit ()
- 2 Pada setiap petang, Ibu saya suka berbual dengan jiran kami di koridor.
 (1) beraksi (2) berbahas
 (3) berbincang (4) bercakap ()
- 3 Pemuda itu telah mengekor Suraya dari stesen bas ke bloknya..
 (1) memimpin (2) mengapiti
 (3) mengikut (4) merapati ()
- 4 Bangunan sekolah saya akan diruntuhkan kerana bangunan baru akan dibina.
 (1) dibubarkan (2) dihapuskan
 (3) dimusnahkan (4) dirobohkan ()
- 5 Cik Munah dan Cik Norlia bergaduh kerana pasu-pasu bunga di depan rumah-rumah mereka.
 (1) beradu (2) bermusuh
 (3) bersengketa (4) bertanding ()
- 6 Sutina berazam untuk menjaga dan memelihara ibunya hingga hari terakhirnya.
 (1) berfikir (2) berhasrat
 (3) berkhayal (4) bermimpi ()
- 7 Nelayan itu terperanjat ada seekor yu di dalam pukatnya.
 (1) belangkas (2) jerung
 (3) paus (4) penyu ()
- 8 Hajah Rosnah mendakap anak tunggalnya yang baru pulang dari London.
 (1) memeluk (2) mengepit
 (3) menjemput (4) menyambut ()

- 9 Tumbuh-tumbuhan juga perlukan pancaran cahaya matahari untuk hidup.
(1) dedahan (2) jemuran
(3) kepanasan (4) sinaran ()
- 10 Ibu bapanya berdoa agar Nordin yang bertugas di Afrika itu akan kembali dengan selamat.
(1) belayar (2) kunjung
(3) pulang (4) sampai ()
- 11 Juadah yang disediakan di gerai Wak Leman sangat laku kerana enak dan harganya berpatutan.
(1) bagus (2) hangat
(3) laris (4) lazat ()
- 12 Ayah saya kuatkan suaranya kerana dia sangat marah.
(1) jeritkan (2) lantangkan
(3) laungkan (4) tengkingkan ()
- 13 Saya tidak pernah melihat serangga yang begitu ganjil sejak kecil.
(1) aneh (2) cantik
(3) hodoh (4) kecil ()
- 14 Sudah menjadi kebiasaan ayah saya akan merokok selepas makan.
(1) kelaziman (2) kemahiran
(3) kepentingan (4) keperluan ()
- 15 Perbuatan Rudy yang memalukan itu telah menghampakan ibu bapa dan saudara-maranya.
(1) mengaibkan (2) mengecewakan
(3) menumbangkan (4) menumpaskan ()

Kata serti/Seiras:Kertas Kerja 5

ARAHAN: Pilih perkataan yang seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- 1 Ibu bapa Kamal berasa bangga apabila dia lulus peperiksaannya untuk menjadi seorang peguam.
 (1) jadual (2) latihan
 (3) tugas (4) ujian ()
- 2 Kehidupan rakyat bertambah sengsara kerana penyakit Ebola merebak dengan begitu cepat.
 (1) menekan (2) menghina
 (3) menindas (4) merana ()
- 3 Saya akan pulang sekejap lagi, setelah saya habiskan tugas saya.
 (1) sebentar (2) secepat
 (3) sekali (4) sementara ()
- 4 Tiga orang pengganas yang ditangkap polis itu berasal dari sebuah negara di Timur Tengah,
 (1) dihalang (2) disekat
 (3) ditahan (4) ditawan ()
- 5 Beribu-ribu helai brosur telah diedarkan merata estet-estet perumahan untuk mengiklankan barang dagangan syarikat itu.
 (1) disampaikan (2) disebarkan
 (3) ditaruhkan (4) ditunjukkan ()
- 6 Kompang-kompang itu ditepuk dengan kuat semasa pengantin lelaki diarakkan ke rumah pengantin perempuan.
 (1) dibantai (2) diketuk
 (3) dipalu (4) ditumbuk ()
- 7 Dia menggenyeh matanya yang pedih kerana termasuk habuk hingga menjadi merah.
 (1) mencuit (2) menggosok
 (3) meraba (4) meramas ()

- 8 Razak menggoyang dahan pokok buah mangga itu dengan kuat untuk menggugurkan buah-buahnya.
(1) menggayut (2) menggoncang
(3) mengusik (4) menolak ()
- 9 Hang Tuah telah menerima ganjaran daripada Sultan kerana berjaya menumpaskan musuh yang menyerang Melaka.
(1) anugerah (2) balasan
(3) hadiah (4) sijil ()
- 10 Pengawal di pintu masuk sekolah itu bertanya apa tujuan saya untuk masuk ke dalam.
(1) fikiran (2) guna
(3) hajat (4) tugas ()
- 11 Ibu memanaskan lauk-pauk itu sebelum dihidangkan di meja untuk makan malam kami sekeluarga.
(1) memasak (2) mencanaikan
(3) mendidihkan (4) menghangatkan ()
- 12 Saya tidak boleh bekerja berat selepas menjalani satu pembedahan di tulang belakang saya.
(1) cuba (2) ingin
(3) mampu (4) sanggup ()
- 13 Kawasan di rumah hartawan itu dikelilingi oleh tembok batu yang tinggi dan dikawal oleh dua orang pengawal.
(1) dihalangi (2) dikepungi
(3) dilingkari (4) direntasi ()
- 14 Akbar yang telah berusaha bersungguh-sungguh berasa gembira kerana mencapai keputusan yang cemerlang.
(1) mendapat (2) menekan
(3) mengharap (4) menunggu ()
- 15 Saya tidak sabar menunggu ayah yang bertugas di London sejak tahun lepas.
(1) bekerja (2) berbakti
(3) berkhidmat (4) bersantai ()

Kata serti/Seiras:Kertas Kerja 6

ARAHAN: Pilih perkataan yang seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- 1 Ramli dipenjarakan kerana dia berada bersama kawan-kawannya dan terbabit dalam kes rompakan itu.
 (1) terikat (2) terlibat ()
 (3) terperangkap (4) tertangkap ()

- 2 Abang saya meminta saya menjawab suratnya yang dikirimnya dari Germany dengan secepat mungkin.
 (1) membalas (2) memesan ()
 (3) mengirim (4) menulis ()

- 3 Saya membungkus kotak yang berisi hadiah itu elok-elok sebelum dibawa ke majlis hari lahir kawan saya.
 (1) membalut (2) diikat ()
 (3) ditampal (4) ditanda ()

- 4 Ayah melepaskan burung yang saya bawa pulang untuk dipelihara.
 (1) membawa (2) membebaskan ()
 (3) menerbangkan (4) menyerahkan ()

- 5 Hassan selalu lambat membuat kerjanya kerana asyik termenung.
 (1) batal (2) lalai ()
 (3) lengah (4) tangguh ()

- 6 Cikgu Kasmin selalu bimbing murid-murid yang lemah dalam pelajaran mereka selepas waktu sekolah.
 (1) ajar (2) nasihat ()
 (3) pimpin (4) tunjuk ()

- 7 Kami digalak menggunakan Sebutan Baku semasa menjalani Ujian Lisan dalam PSLE.
 (1) mengambil (2) mengikut ()
 (3) menyaksi (4) menyedia ()

- 8 Maniam ingin menyertai pertandingan bercerita dalam bahasa Melayu yang akan diadakan
 (1) perbicaraan (2) perbincangan
 (3) peraduan (4) persengketaan ()
- 9 Razak bersikap biadap kerana suka menyampuk semasa ibu bapanya sedang berbual.
 (1) membantah (2) menanya
 (3) mencelah (4) menyentuh ()
- 10 Dia masukkan tangannya ke dalam air longkang yang kotor itu untuk mencari duit syilingnya yang terjatuh ke dalamnya.
 (1) celupkan (2) junamkan
 (3) letakkan (4) rendamkan ()
- 11 Saya senang hati melihat air muka ibu bapa saya ceria sahaja.
 (1) cerah (2) gembira
 (3) manis (4) seri ()
- 12 Abang saya yang sulung bertanggungjawab untuk kelolakan syarikat yang ditinggalkan oleh arwah ayah kami.
 (1) majukan (2) jayakan
 (3) perhatikan (4) uruskan ()
- 13 Manan yang nakal dan suka bermain-main itu menjadi rintangan untuk kami habiskan kerja projek kumpulan kami.
 (1) halangan (2) kurungan
 (3) paksaan (4) sandaran ()
- 14 Semua murid diarahkan berkumpul di padang semasa latihan kecemasan kebakaran.
 (1) beratur (2) berdiri
 (3) bergaul (4) berhimpun ()
- 15 Hang Tuah adalah pahlawan gagah perkasa yang masyhur dalam sejarah Melaka.
 (1) berjaya (2) hebat
 (3) mustahak (4) terkenal ()

Kata serti/Seiras:Kertas Kerja 7

ARAHAN: Pilih perkataan yang seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- 1 Pencolek-pencolek itu ugut hartawan itu mereka akan membunuh anaknya jika mereka tidak dibayar wang tebusan yang dituntut.
 (1) ancam (2) ikrar
 (3) janji (4) lapor ()
- 2 Murid-murid tidak boleh bersikap cuai dan alpa semasa menjawab soalan-soalan peperiksaan.
 (1) benci (2) bosan
 (3) jemu (4) lalai ()
- 3 Setelah adik saya melukis dengan selekeh sahaja. menggunakan cat air, meja tulisnya itu selalunya
 (1) basah (2) keruh
 (3) kotor (4) lembab ()
- 4 Ayah saya selalu tertidur semasa membaca surat khabar kerana terlalu letih kerana telah bekerja sepanjang hari.
 (1) asyik (2) minat
 (3) penat (4) suka ()
- 5 Ibu saya seorang yang tabah dan bertimbang rasa semasa menghadapi segala cabaran.
 (1) cekal (2) gembira
 (3) rajin (4) sedia ()
- 6 Halim hanya menulikan telinganya apabila ibunya meleter.
 (1) memasang (2) memekakkan
 (3) memiatkan (4) menutupkan ()
- 7 Bunyi guruh dan cuaca mendung petanda hari akan hujan.
 (1) alamat (2) penentu
 (3) penjadi (4) perakam ()

- 8 Datuk saya yang warak itu telah dilantik oleh penduduk estet perumahan kami sebagai imam masjid di situ.
(1) alim (2) baik
(3) senang (4) tabah ()
- 9 Kita mesti elakkan diri daripada melakukan perbuatan yang boleh memalukan nama baik keluarga.
(1) melalaikan (2) mengaibkan
(3) menghampakan (4) merugikan ()
- 10 Guru kami selalu memberi contoh-contoh sebagai misalan supaya kami lebih faham akan ajarannya.
(1) andaian (2) alasan
(3) jawapan (4) rupawan ()
- 11 Di muzium yang dilawati di Melaka, kami dapat melihat aneka barang purba yang ganjil.
(1) beberapa (2) berlonggok
(3) golongan (4) pelbagai ()
- 12 Perbarisan Hari Kebangsaan akan disiarkan secara langsung pada pukul 7.00 malam esok. .
(1) diatitkan (2) dijadualkan
(3) dipamerkan (4) ditayangkan ()
- 13 Kamil mula bersikap bongkak sejak dilantik menjadi ketua murid.
(1) bangga (2) lokek
(3) sombong (4) tegas ()
- 14 Kenderaan-kenderaan telah dihalang untuk menuju ke arah Stadium Negara.
(1) depan (2) hala
(3) sebelah (4) tepi ()
- 15 Walaupun dilarang, masih ada ramai orang yang menggunakan tangkal untuk cuba mendapatkan sesuatu.
(1) azimat (2) doa
(3) jin (4) songkok ()

Kata serti/Seiras:Kertas Kerja 8

ARAHAN: Pilih perkataan yang seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- 1 Roket Rusia meluncur menuju ke planet Marik jauh di angkasa lepas.
 (1) beredar (2) bergerak
 (3) berlalu (4) berlepas ()

- 2 Dengan air matanya berlinang membasahi pipinya, Cik Maria menatap mayat suaminya yang tertutup dengan kain batik.
 (1) bergenang (2) berkisar
 (3) berkumpul (4) bersinar ()

- 3 Kabel elektrik terputus yang menyebabkan bekalan elektrik terganggu telah pun disambung semula.
 (1) dibaiki (2) dicantum
 (3) diikat (4) dipasang ()

- 4 Pada pagi hari Ahad, ramai orang suka duduk berehat sambil berbual di taman di sebelah blok saya.
 (1) bercerita (2) bersembang
 (3) bersantai (4) bertengkar ()

- 5 Allahyarham P Ramlee sungguh mahir berjenaka dan menghiburkan penonton-penonton.
 (1) bergurau (2) berhibur
 (3) berlakon (4) berlawak ()

- 6 Latif yang kerap menyalahgunakan dadah telah diusir oleh ayahnya yang sudah puas menasihatinya.
 (1) dihembus (2) diheret
 (3) dihalau (4) ditolak ()

- 7 Pak Dollah akan tambat perahunya di sebatang pancang sebaik sahaja dia pulang daripada mengail di laut.
 (1) memancing (2) mencari
 (3) menjaring (4) menjerat ()

- 8 Ayah saya bercadang untuk membawa kami sekeluarga berpindah ke Australia.
(1) berhijrah (2) melancong
(3) melawat (4) menziarah ()
- 9 Saya sudah bosan mendengar aduan-aduannya yang mengarut itu.
(1) bingit (2) jemu
(3) penat (4) serik ()
- 10 Kawalan ketat telah diadakan di Lapangan Terbang Changi bagi mereka yang baru pulang dari negara terbabit dengan penyakit berjangkit.
(1) berpindah (2) dikawal
(3) dirawat (4) menular ()
- 11 Beratus-ratus orang telah terkorban dalam nahas taufan di Philipine.
(1) kebakaran (2) kecelakaan
(3) letupan (4) rampasan ()
- 12 Seorang gadis belasan tahun turut didakwa dalam kes rompakan di bank itu.
(1) dikepung (2) dilihat
(3) ditangkap (4) dituduh ()
- 13 Gerak-geri pemuda di dalam bank itu membuat pengawalnya itu berasa sangsi.
(1) cemas (2) minat
(3) ragu (4) yakin ()
- 14 Ayah saya mencari kesempatan untuk memulakan perniagaan di estet perumahan baru itu.
(1) harapan (2) peluang
(3) tempoh (4) tindakan ()
- 15 Saya tidak boleh tandingi kebolehan rakan-rakan sepasukan saya dalam permainan bola sepak.
(1) ceburi (2) contohi
(3) ikuti (4) saingi ()

Kata serti/Seiras:Kertas Kerja 9

ARAHAN: Pilih perkataan yang seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- 1 Setiap hari ibu saya akan beri kami galakan agar belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kemajuan.
 (1) ajaran (2) dorongan
 (3) paksaan (4) suruhan ()
- 2 Tidak ramai murid yang gemar akan sukan olahraga seperti mana dengan bola sepak.
 (1) asyik (2) galak
 (3) minat (4) sering ()
- 3 Sekumpulan pemuda selalu berkumpul di sebuah pondok buruk di hujung kampung itu.
 (1) antik (2) kecil
 (3) lama (4) usang ()
- 4 Adik kecil saya akan berasa ngeri mendengar guruh berdentum dan kilat sabung-menyalang.
 (1) geram (2) khuatir
 (3) leka (4) seram ()
- 5 Semua rumah di kampung itu musnah akibat taufan yang melanda dengan ganas pada minggu lepas.
 (1) binasa (2) gugur
 (3) jatuh (4) rosak ()
- 6 Sebuah blok setinggi 30 tingkat sedang didirikan di sebuah tanah lapang di sebelah blok saya.
 (1) diadakan (2) dibinakan
 (3) dibubarkan (4) ditegakkan ()
- 7 Kumpulan perompak bank di Geylang itu telah diadang polis daripada melarikan diri.
 (1) digari (2) dikepong
 (3) ditahan (4) ditangkap ()

- 8 Batu-batu permata yang dijual di kedai emas itu semuanya tulen dan berharga beribu-ribu dolar.
 (1) asli (2) benar
 (3) betul (4) mahal ()
- 9 Pemerintah sentiasa mengingatkan kita agar berwaspada dan elakkan diri daripada menyalahgunakan dadah.
 (1) basmikan (2) hindarkan
 (3) jarakkan (4) kurangkan ()
- 10 Pegawai-pegawai polis sentiasa mengawal estet-estet perumahan untuk menjaga keselamatan orang ramai.
 (1) melawat (2) melihat
 (3) menyaksi (4) meronda ()
- 11 Pertandingan bola sepak Piala Suzuki terpaksa ditangguh kerana keadaan padang di stadium itu tidak sempurna.
 (1) dianjur (2) dibatal
 (3) diselesai (4) ditunda ()
- 12 Walaupun dia lakukan segala kerja rumah dari pagi hingga petang, ibu saya masih uruskan kerja-kerja rumah pada sebelah malam.
 (1) aturkan (2) kendalikan
 (3) lihatkan (4) sesuaikan ()
- 13 Encik Samat, seorang mekanik, mahir membaiki enjin-enjin kereta yang rosak.
 (1) ahli (2) rajin
 (3) suka (4) tekun ()
- 14 Ali dan adik-adiknya telah dididik dengan cukup sempurna oleh ibu bapa mereka sejak kecil lagi.
 (1) dianggap (2) diasuh
 (3) dipelihara (4) ditunjuk ()
- 15 Sudin suka sembunyikan buku-buku kawan-kawan sedarjahnya di belakang almari.
 (1) letakkan (2) simpankan
 (3) sorokkan (4) susunkan ()

Kata serti/Seiras:Kertas Kerja 10

ARAHAN: Pilih perkataan yang seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- 1 Tiang-tiang lampu di gelanggang bola keranjang itu dipasang dengan kukuh agar tidak tumbang.
 (1) keras (2) rapi
 (3) tegak (4) teguh ()

- 2 Kami tidak makan ayam yang dijual di restoran itu kerana berasa waswas tentang halal haramnya.
 (1) jemu (2) muak
 (3) sangsi (4) takut ()

- 3 Seorang pemuda berbasikal telah meragut beg tangan seorang wanita yang baru keluar daripada bank itu.
 (1) memegang (2) menarik
 (3) mengambil (4) merampas ()

- 4 Encik Nizam menyepak pipi anaknya yang bersikap biadap terhadap ibu tirinya.
 (1) memiat (2) menepuk
 (3) menampar (4) menerajang ()

- 5 Rizal berjaya teruskan pelajaran hingga ke universiti dengan sokongan dan galakan ibu bapanya.
 (1) fikirkan (2) ikutkan
 (3) lanjutkan (4) lihatkan ()

- 6 Supri mencari tempat untuk bersembunyi di kolong blok itu apabila dia ternampak ayahnya sedang menuju ke situ.
 (1) berdiri (2) bersantai
 (3) berselimut (4) berselindung ()

- 7 Kami sekeluarga kerap ke Kuantan untuk menziarahi nenek dan datuk saya yang menetap di sana.
 (1) gemar (2) selalu
 (3) sempat (4) suka ()

- 8 Bermain bola sepak di kolong-kolong blok dilarang keras oleh pihak yang berkuasa.
 (1) dihadang (2) dikecam
 (3) disekat (4) ditegah ()
- 9 Azim, seorang pembuli di sekolah saya, ugut akan pukul saya jika saya tidak berinya \$1.00.
 (1) ancam (2) arah
 (3) paksa (4) suruh ()
- 10 Sudah menjadi kelaziman ayah saya akan membaca doa selamat setelah dia bersolat.
 (1) selepas (2) semasa
 (3) sementara (4) sewaktu ()
- 11 Ibu Salim telah menyediakan pelbagai juadah untuk para tetamu dalam majlis ulang tahunnya.
 (1) kuih (2) makanan
 (3) minuman (4) nasi ()
- 12 Saya terperanjat melihat seorang perempuan berdiri di muka pintu kami itu.
 (1) belakang (2) hadapan
 (3) sebelah (4) tepi ()
- 13 Ramai orang akan pergi ke kubur saudara-mara mereka pada pagi hari raya.
 (1) dusun (2) kampung
 (3) pusara (4) rumah ()
- 14 Mereka sekeluarga sedang tidur dengan nyenyak semasa rumah mereka dimasuki pencuri.
 (1) baring (2) dengkur
 (3) lelap (4) lena ()
- 15 Sudah dijangkakan Jali tentu gagal PSLEnya kerana langsung tidak pedulikan pelajaran sekolahnya.
 (1) gemar (2) ingin
 (3) pasti (4) sering ()